



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**28 FEBRUARI 2023 (SELASA)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**28 FEBRUARI 2023 (SELASA)**

# Jumlah premis tawar Menu Rahmah meningkat

Bakal libat lebih 700 gerai, restoran di R&R lebuh raya serta 540 premis di seluruh negara

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

DENGKIL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan lebih banyak kedai makan dan restoran di seluruh negara akan menyertai inisiatif Menu Rahmah pada bulan hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, setakat ini lebih 700 gerai dan restoran menyediakan menu Rahmah melibatkan 215 di Hentian Rehat dan Rawat (R&R)-sepanjang lebuh raya dan 540 premis di seluruh negara.

Katanya, ia tidak termasuk penyertaan dari beberapa restoran makanan segera seperti Burger King dan Marrybrown.

"Bagaimanapun, pada bulan hadapan, jumlah tersebut akan meningkat



Salahuddin (tiga dari kiri) ketika majlis pelancaran Menu Rahmah di Hentian R&R Dengkil (arah selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan Linkaran Tengah (Elite) pada Isnin.

sebanyak dua kali ganda. Inisiatif itu adalah bagi membantu mengurangkan beban rakyat Malaysia.

"Menu Rahmah boleh dinikmati dengan harga RM5 tanpa menjaskankan kuantiti dan kualiti makanan yang disediakan. Setakat ini, kami tidak pernah menerima sebarang aduan daripada rakyat berhubung Menu Rahmah," katanya di sini pada Isnin.

Turut hadir, Menteri Kerja Raya Datuk

Seri Alexander Nanta Linggi.

Sementara itu, Alexander menyarankan lebih 100 gerai makanan beroperasi di kawasan R&R di sepanjang 1,130 kilometer rangkaian lebuh raya berkenaan menjelang Mac ini.

Tambahnya, setakat ini sebanyak 215 gerai menawarkan menu tersebut di sepanjang lebuh raya di seluruh negara dengan 101 gerai di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan.

## 37,373 ketua isi rumah terima Bakul Rahmah bernilai RM100

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 37,373 ketua isi rumah (KIR) bakal menerima manfaat menerusi inisiatif Bakul Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, jumlah itu adalah 30 peratus daripada 124,578 keseluruhan KIR yang dienal pasti sebagai miskin tegar.

Menurutnya, inisiatif di bawah Program Payung Rahmah itu menyasarkan golongan B40 iaitu miskin tegar berpendapatan kurang RM2,500.

"Pelaksanaan Bakul Rahmah ini kerjasama bersama

rakan strategik, pemain industri (pasar raya) agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Inisiatif ini tidak membatikan kos kerajaan kerana pemain industri dilihat semakin bersungguh-sungguh menyalurkan kebaikan kepada rakyat," katanya selepas melancarkan Inisiatif Bakul Rahmah di Menara Suruhanjaya Syarikat Mala-

syia (SSM, semalam).

Mengulas lanjut, katanya, Bakul Rahmah berkenaan mengandungi pelbagai keperluan asas bernilai RM100 yang disumbangkan pelbagai pihak.

Katanya, lapan lori mengandungi 2,000 kotak Ba-

kul Rahmah yang diagihkan

ke

Kedah,

Perak

dan Perlis

di lancarkan pada majlis itu.

Katanya, Bakul Rahmah itu diagihkan ke pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) setiap kawasan sebelum diedarkan kepada KIR terbabit.

Menurutnya, baru-baru ini, KPDN menerima sumbangan berbentuk makanan asas daripada Yayasan Global Mesra (YGM) sebanyak 2000 kotak sumbangan, satu kotak sumbangan bernilai RM100.

"Sebanyak 18,000 Bakul Rahmah disalurkan lagi kepada mereka yang memerlukan menjelang Ramadan," katanya.

SALAHUDDIN (tengah) pada Majlis Pelancaran Inisiatif Bakul Rahmah dan Flag Off Lori Rahmah di Menara SSM, KL Sentral, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AZHAR RAMLI



**MENU RAHMAH**

# Lebih 700 dah sertai



SALAHUDDIN (depan empat dari kiri) bersama Nanta (depan tiga dari kanan) bersama kakitangan Plus ketika meninjau pelaksanaan Menu Rahmah di R&R Dengkil Arah Selatan, semalam.

Bernama

Putrajaya

**L**ebih 700 gerai dan restoran di seluruh negara sudah menawarkan Menu Rahmah dan jumlah yang bakal menyertai inisiatif berkenaan dijangka meningkat dua kali ganda bulan depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Pada bulan hadapan jumlah penawaran terabit bakal meningkat dua kali ganda termasuk penglibatan francais restoran makanan segera bagi terus membantu mengurangkan beban rakyat," katanya selepas mendakwa tinjauan pelaksanaan Menu Rahmah di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Dengkil (arah selatan) di sini, semalam yang turut disertai Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Menu Rahmah merupakan inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) yang digerakkan penilaia secara sukarela, dengan menyediakan hidangan pada harga RM5 dan ke bawah.

Salahuddin berkata, setakat ini tiada aduan rasmi diterima mengatakan makanan ditawarkan Menu Rahmah koman atau tidak berkhiasat.

"Dari awal lagi pemain industri terabit dalam sesi libat urus berhubung penyediaan menu itu, dan mereka tidak dipaksa malah sukarela membantu rakyat bagi menyediakan hidangan berkualiti," katanya dan maklum balas diterima menyatakan jumlah pelanggan semakin bertambah.

Salahuddin berkata, langkah seterusnya adalah untuk bertemu dengan pemain industri sektor pembuatan dalam usaha untuk meringankan beban pemilik gerai makanan yang terlibat menawarkan Menu Rahmah.

"Saya akan berjumpa dengan pihak sektor pembuatan dan mungkin kita bincang sama ada pihak terabit boleh ber harga 'Rahmah' kepada pemilik gerai. Itu langkah seterusnya yang dijalankan," katanya.

Sementara itu Nanta berkata, 215 gerai di kawasan R&R di semua lebuh raya menawarkan Menu Rahmah.



SALAHUDDIN (kiri) melancarkan Inisiatif Bakul Rahmah dan Flag Off Lori Rahmah di Menara SSM Sentral di Kuala Lumpur semalam. — M. FIRDAUS M. JOHARI

KPDN sasar bantu golongan B40 dan miskin tegar

## 37,373 Bakul Rahmah bakal diagih tahun ini

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menyasarkan 37,373 Ketua Isi Rumah (KIR) daripada kumpulan miskin-tegar untuk mendapat manfaat Bakul Rahmah tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, jumlah itu adalah 30 peratus daripada 124,578 KIR miskin tegar yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

Jelasnya, Bakul Rahmah yang dilancarkan semalam akan dihantar ke beberapa kawasan di Kedah, Perak dan Perlis.

"Pelaksanaan Bakul Rahmah ini merupakan kerjasama bersama rakan strategik, pemain

industri (pasar raya) agensi kerajaan, pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Inisiatif ini tidak melibatkan kos daripada kerajaan ekoran pemain industri dilihat semakin bersungguh untuk menyalurkan kebaikan kepada rakyat.

"Hari ini kita telah berjaya melancarkan dan menggerakkan sebanyak lapan buah lori dengan 2,000 kotak Bakul Rahmah berbentuk makanan asas daripada Yayasan Global Mesra (YGM)," katanya dalam Majlis Pelancaran Inisiatif Bakul Rahmah, di Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di sini semalam.

Tambahnya, Bakul Rahmah akan dihantar ke Pusat Khidmat ADUN di setiap kawasan bagi

diuruskan wakil-wakil, penghulu atau ketua kampung sebelum diserahkan kepada golongan miskin tegar di kawasan tersebut.

"Sebanyak 18,000 Bakul Rahmah lagi akan disalur kepada golongan memerlukan sebelum menjelang sebelum Ramadan di mana setiap satunya bernilai RM100," ujarnya.

Inisiatif Bakul Rahmah adalah satu daripada empat elemen menerusi program Payung Rahmah bertujuan membantu golongan B40 dan miskin tegar bagi mendepani isu kos sara hidup.

Payung Rahmah membabitkan empat elemen, iaitu Bakul Rahmah, Kafe Rahmah, Jualan Murah Rahmah dan Barang Rahmah bagi menyajap tuni golongan itu.

## 'Outlets offering Menu Rahmah to double'

**Value for money:**  
Salahuddin (front row, fourth from left) posing with Nanta (front row, fourth from right) and Plus Malaysia Berhad staff after observing the implementation of Menu Rahmah at the Dengkil Rest and Service Area.  
— Bernama



**PUTRAJAYA:** The number of premises offering Menu Rahmah is expected to double next month from the current 700 food stalls and restaurants nationwide, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"We expect to see a two-fold increase in the figure, including through the participation of fast-food chains," added the Domestic Trade and Cost of Living Minister.

Salahuddin was speaking to reporters after observing the implementation of Menu Rahmah at the Dengkil Rest and Service Area here yesterday.

Also present was Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Bernama reported.

Menu Rahmah is a voluntary programme that sees eateries offering meals for RM5 and below.

Salahuddin said to date, there had not been any reports saying the food offered under the initiative was of low quality or not nutritious.

He said that the next step would be to meet with food manufacturing industry players in order to reduce the burden on food stall oper-

ators in offering Menu Rahmah.

Meanwhile, Nanta said some 215 stalls in R&R areas along all highways now offer Menu Rahmah, with another 100 stalls expected to join next month.

Elaborating, he said the first phase of the initiative was introduced to North-South Expressway (NSE) users on Feb 23 in several R&R areas and lay-bys in the central region.

The second and third phases would be implemented next month, involving the southern region of the NSE, and the East Coast Expressway 2, he added.

## Menu Rahmah outlets set to double in March

**PUTRAJAYA:** The number of eateries offering Menu Rahmah is expected to double in March from over 700 food stalls and restaurants nationwide, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"We expect to see a two-fold increase in the figure, including through participation of fast food chains," he said after observing the implementation of the initiative at the Dengkil Rest and Service Area (southbound) here yesterday.

Also present was Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Menu Rahmah is a voluntary programme launched by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to offer meals at RM5 and below.

Salahuddin said to date, the ministry received no reports that the food offered under the initiative is of low quality or not nutritious.

"From the very beginning, industry players were involved in the menu preparation.

"They were not forced but volunteered to help the people by providing quality meals," he said.

"The number of customers is also increasing," he added. - Bernama



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**28 FEBRUARI 2023 (SELASA)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Feb	Inisiatif Bakul Rahmah Membantu Golongan Yang Memerlukan	<a href="https://siakapkeli.my/2023/02/27/inisiatif-bakul-rahmah-membantu-golongan-yang-">https://siakapkeli.my/2023/02/27/inisiatif-bakul-rahmah-membantu-golongan-yang-</a>	SIAKAPKELI
28-Feb	KPDN sasar 37,373 miskin tegar terima Bakul Rahmah setiap bulan	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/27/kpdn-sasar-37373-miskin-tegar-terima-bakul-rahmah-setiap-bulan/">https://malaysiagazette.com/2023/02/27/kpdn-sasar-37373-miskin-tegar-terima-bakul-rahmah-setiap-bulan/</a>	MALAYSIAGAZETTE
28-Feb	Bilangan premis Menu Rahmah dijangka meningkat dua kali ganda – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/27/bilangan-premis-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/02/27/bilangan-premis-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
28-Feb	Lebih banyak gerai, restoran tawar Menu Rahmah bulan depan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247251">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247251</a>	SH
28-Feb	700 premis sudah tawar Menu Rahmah, dijangka bertambah dua kali ganda Mac	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1069909/700-premis-sudah-tawar-menu-rahmah-dijangka-bertambah-dua-kali-ganda">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1069909/700-premis-sudah-tawar-menu-rahmah-dijangka-bertambah-dua-kali-ganda</a>	BH
28-Feb	'Nasi bambong': Equivalent of Menu Rahmah in Tawau	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/208359/nasi-bambong-equivalent-of-menu-rahmah-in-">https://www.dailyexpress.com.my/news/208359/nasi-bambong-equivalent-of-menu-rahmah-in-</a>	DAILYEXPRESS
28-Feb	Premis tawar Menu Rahmah dijangka meningkat dua kali ganda bulan depan	<a href="https://selangorkini.my/2023/02/premis-tawar-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda-bulan-">https://selangorkini.my/2023/02/premis-tawar-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda-bulan-</a>	SELANGORKINI
28-Feb	MGNews : Selepas Premis Lebuh Raya PLUS, Mc Donald Dan KFC Pula Sertai Menu Rahmah - Salahuddin	<a href="https://youtu.be/oHsaVfsLtvY">https://youtu.be/oHsaVfsLtvY</a>	MALAYSIAGAZETTE
28-Feb	Food premises offering Menu Rahmah nationwide to double in March	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/208395/food-premises-offering-menu-rahmah-nationwide-to-double-in-march/">https://www.dailyexpress.com.my/news/208395/food-premises-offering-menu-rahmah-nationwide-to-double-in-march/</a>	DAILYEXPRESS

28-Feb	KPDN jangka premis tawar Menu Rahmah bertambah dua kali ganda bulan depan	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/430207">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/430207</a>	THEMALAYSIAINSIGHT
28-Feb	Premis Tawar Menu Rahmah Di-jangka Meningkat 2 Kali Ganda Pada Mac	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/41572/premis-tawar-menu-rahmah-dijangka-meningkat-2-kali-ganda-pada-mac">https://www.getaran.my/artikel/semasa/41572/premis-tawar-menu-rahmah-dijangka-meningkat-2-kali-ganda-pada-mac</a>	GETARAN
28-Feb	Premis Tawar Menu Rahmah Di-jangka Meningkat 2 Kali Ganda Pada Mac	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/27/more-eateries-offering-menu-rahmah-in-march-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/27/more-eateries-offering-menu-rahmah-in-march-says-salahuddin</a>	THESTAR
28-Feb	Salahuddin: Food premises offering Menu Rahmah nationwide to double in March	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/27/salahuddin-food-premises-offering-menu-rahmah-nationwide-to-double-in-march/57044">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/27/salahuddin-food-premises-offering-menu-rahmah-nationwide-to-double-in-march/57044</a>	MALAYMAIL
28-Feb	Outlets offering Menu Rahmah to double in March, says minister	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/27/outlets-offering-menu-rahmah-to-double-in-march-says-minister/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/27/outlets-offering-menu-rahmah-to-double-in-march-says-minister/</a>	FMT
28-Feb	Gerai Menu Rahmah dijangka meningkat dua kali ganda – Salahudin	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/gerai-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/gerai-menu-rahmah-dijangka-meningkat-dua-kali-ganda/</a>	UM
28-Feb	Food premises offering Menu Rahmah to double in March, says Salahuddin	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/656967">https://www.theedgemarkets.com/node/656967</a>	THEEDGE MARKET
28-Feb	Tiada aduan rasmi tentang kualiti Menu Rahmah setakat ini - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-aduan-rasmi-tentang-kualiti-menu-rahmah-setakat-ini-salahuddin-408401%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-aduan-rasmi-tentang-kualiti-menu-rahmah-setakat-ini-salahuddin-408401%3famp=1</a>	ASTROAWANI
28-Feb	37,373 KIR miskin tegar terima Bakul Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/muta-khir/2023/02/940350/37373-kir-miskin-tegar-terima-bakul-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/muta-khir/2023/02/940350/37373-kir-miskin-tegar-terima-bakul-rahmah</a>	HM

28-Feb	KPDN, YGM SASAR AGIH Bakul Rahmah kepada lebih 37,000 KIR tahun ini	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168279">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168279</a>	BERNAMA
28-Feb	KPDN, YGM aim to distribute Bakul Rahmah to over 37,000 households this year	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2168291">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2168291</a>	BERNAMA
28-Feb	KPDN, YGM aim to distribute Bakul Rahmah to over 37,000 households this year	<a href="https://selangorjournal.my/2023/02/kpdn-ygm-aim-to-distribute-bakul-rahmah-to-over-37000-households-this-year/">https://selangorjournal.my/2023/02/kpdn-ygm-aim-to-distribute-bakul-rahmah-to-over-37000-households-this-year/</a>	SELANGORJOURNAL
28-Feb	Making Menu Rahmah work at upcoming bazaars	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/02/28/making-menu-rahmah-work-at-upcoming-bazaars">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/02/28/making-menu-rahmah-work-at-upcoming-bazaars</a>	THESTAR
28-Feb	Price tags rule	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/02/27/price-tags-rule">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/02/27/price-tags-rule</a>	THESTAR
28-Feb	Pesara kerajaan sediakan Menu Rahmah, boleh makan di restoran atau COD	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1069977/pesara-kerajaan-sediakan-menu-rahmah-boleh-makan-di-restoran-atau">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1069977/pesara-kerajaan-sediakan-menu-rahmah-boleh-makan-di-restoran-atau</a>	BH
28-Feb	Penyeludup lari tinggal kereta bawa tong petrol, diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/27/penyeludup-lari-tinggal-kereta-bawa-tong-petrol-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/27/penyeludup-lari-tinggal-kereta-bawa-tong-petrol-diesel/</a>	KOSMO
28-Feb	Tiga warga Thailand mengaku seludup diesel didenda RM30,000	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247301">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247301</a>	SH